



## KENYATAAN MEDIA UNTUK PENYIARAN SERTA - MERTA

### PELAJAR SEKOLAH SWASTA DAN UNIVERSITI CEMERLANG DI PERTANDINGAN ROBOTIK

---

**SHAH ALAM, SELANGOR 3 September 2016** – Kementerian Pendidikan Malaysia (“KPM”) dengan kerjasama Sasbadi Holdings Berhad (“Sasbadi Holdings”) telah menganjurkan Pertandingan Robotik Terbuka Kebangsaan (***National Robotics Open Competition*** – “NROC”) 2016 di Kolej Universiti KDU Kampus Utropolis, Glenmarie, Selangor. Pertandingan yang diadakan buat julung-julung kalinya ini telah menerima penyertaan daripada 32 buah pasukan daripada sekolah-sekolah swasta dari seluruh negara dan berlangsung pada 3 September 2016. Kesemua peserta bertanding untuk merebut kejuaraan dalam pertandingan yang bertemakan *Rap the Scrap*.

Pertandingan ini terdiri daripada 3 kategori, iaitu, kategori Menengah Atas dengan cabaran yang bertemakan *Recycling Plant*, kategori Menengah Rendah dengan tema cabaran *Waste Sorting*, dan kategori Sekolah Rendah dengan tema *Clean Road to School*.

Berdasarkan kejayaan demi kejayaan yang telah diraih oleh pelajar Malaysia di pentas Pertandingan Robotik Antarabangsa (***World Robot Olympiad*** – “WRO”), KPM telah mengambil inisiatif baharu dengan menganjurkan pertandingan robotik khas untuk sekolah-sekolah swasta, iaitu NROC bermula pada tahun ini.

Sebelum ini, KPM bersama-sama dengan Sasbadi telah menganjurkan Pertandingan Robotik Kebangsaan (***National Robotics Competition*** – “NRC”) bermula pada tahun 2005. Penglibatan pelajar telah bertambah setiap tahun dan kini berjaya mengumpul lebih kurang 9,000 orang pelajar pada setiap tahun. Melalui NRC juga, KPM berjaya mencungkil bakat-bakat hebat dalam bidang robotik yang diiktiraf terbaik dunia melalui Pertandingan WRO – Kontinjen Malaysia telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan sebanyak 5 kali dalam tempoh 7 tahun.

Turut berlangsung di lokasi dan pada hari yang sama ialah Pertandingan Robotik Universiti Kebangsaan (***National University Robotics Competition*** – “NURC”) yang diadakan untuk tahun kedua. Pertandingan ini telah menerima penyertaan daripada 15 buah pasukan dari universiti seluruh Malaysia.

“Peningkatan minat terhadap bidang robotik dalam kalangan pelajar sekolah semakin menggalakkan. Kita dapat melihat perkembangan positif ini melalui bilangan penyertaan dalam pertandingan NRC yang semakin meningkat setiap tahun,” ulas **Puan Norhayati binti Mustafa, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia**. “Pertandingan robotik seumpama ini merupakan platform efektif untuk melatih pelajar menguasai nilai-nilai dan skil-skil yang diperlukan dalam abad ke-21. Jadi, pada tahun ini, pihak kementerian telah membuka peluang penyertaan kepada sekolah-sekolah swasta dan antarabangsa pula,” tambah beliau lagi.

**Pengarah Urusan Kumpulan Sasbadi Holdings, Encik Law King Hui** mengulas tentang hubungan NURC ini dengan NRC, beliau berkata, “NRC ialah suatu pertandingan robotik yang telah lama popular dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah di negara kita. Namun begitu, apabila pelajar ini meneruskan pengajian pada peringkat pengajian tinggi, malangnya amat sedikit pusat pengajian tinggi yang menawarkan kelab atau aktiviti robotik. Menyedari hakikat ini, Sasbadi telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan kesinambungan NRC pada peringkat pengajian tinggi dengan memperkenalkan NURC.”

Beliau menambah, pemenang NURC 2016 berpeluang untuk bersama-sama dengan pemenang NRC 2016 mewakili Malaysia ke Kejohanan *World Robot Olympiad* (WRO) 2016 di New Delhi, India yang akan berlangsung dari 25 November hingga 27 November 2016.

“NURC pada tahun yang kedua ini telah memperlihatkan bakat-bakat baharu yang hebat. Saya yakin bahawa kita mempunyai kontinjen mantap yang boleh dibanggakan untuk mewakili negara pada WRO 2016 nanti,” tambah **Encik Law**.

Kontinjen negara yang dihantar ke WRO menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan. Sejak 7 tahun yang lepas, sebanyak 17 pingat emas, 11 pingat perak, 17 pingat gangsa, 8 Anugerah Khas, dan 47 Anugerah Kecemerlangan telah diraih oleh Kontinjen Malaysia. Tambahan lagi, Kontinjen Malaysia juga berjaya merangkul gelaran Juara Keseluruhan WRO sebanyak lima kali dalam tempoh 7 tahun kebelakangan ini, iaitu pada tahun 2009 di Pohang, Korea Selatan; pada tahun 2010 di Manila, Filipina; pada tahun 2012 di Kuala Lumpur, Malaysia; pada tahun 2013 di Jakarta, Indonesia, dan pada tahun lepas, iaitu 2015 di Doha, Qatar. Kejayaan-kejayaan itu telah membolehkan Kontinjen Malaysia melakar kenangan manis dengan menggondol gelaran Juara Keseluruhan WRO daripada 48 buah negara yang bertanding.

\*\*\*

---

## Mengenai Sasbadi Holdings

**Sasbadi Holdings Berhad (“Sasbadi Holdings”)** merupakan penerbit bahan pendidikan yang merangkumi penerbitan bercetak yang berfokus pada pendidikan sekolah rendah dan menengah. Walaupun sebahagian besar hasil terbitan pendidikan Sasbadi Holdings berdasarkan Kurikulum Kebangsaan, Sasbadi Holdings turut menerbitkan pelbagai jenis bahan pendidikan yang tidak berdasarkan kurikulum sekolah serta buku umum. Selain itu, Sasbadi Holdings juga menerbitkan bahan-bahan pendidikan melalui portal sesawang. Bisnes Sasbadi Holdings turut dilengkapi dengan pengedaran produk pendidikan gunaan yang direka untuk memberikan pengalaman pembelajaran interaktif kepada pelajar. Produk-produk ini merangkumi blok pembinaan kecil dan komponen mekanikal, elektrik dan elektronik, serta peralatan yang dapat menerima dan menganalisis syarat secara langsung dengan perisian yang membolehkan penciptaan sistem pengawalan dan pengukuran.

---

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

**Eliziana binti Ahmad**  
**Bahagian Pemasaran & Komunikasi,**  
**Sasbadi Holdings Berhad**  
**Tel: +603-61451188**  
**HP: +017-8732083**  
**Email: [eliziana@sasbadi.com](mailto:eliziana@sasbadi.com)**